

Kerajaan Pas punca rakyat berhijrah

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 11 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap tidak suka diprintah oleh kerajaan Pas adalah punca utama berlaku penghijrahan keluar penduduk dari Terengganu dan Kelantan dengan jumlah yang tinggi.

Menurut Perdana Menteri, penghijrahan tersebut menyebabkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mengesyorkan kerusi tambahan baru di Terengganu manakala di Kelantan pula hanya menyaksikan penambahan dua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

“Sekarang SPR hendak tentukan di mana alamat tetap orang itu, di situ dia akan mengundi dan persempadanan pula mengikut jumlah penduduk.

“Di Kelantan dan Terengganu orang tidak suka untuk duduk di bawah pemerintahan Pas, mereka sudah lari untuk datang tinggal di sini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Sukan Berkuda Antarabangsa Peringatan 100 Tahun di

Kelab Polo Selangor di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu, Datuk Mustafa Ali kelmarin yang menyifatkan langkah SPR untuk tidak menambah kerusi di negeri itu sebagai bermotif politik.

Cadangan

SPR pada Khamis lalu mengumumkan cadangan mewujudkan tambahan 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi DUN baru bagi pilihan raya umum akan datang.

Johor mencatatkan pertambahan tertinggi iaitu enam kerusi Parlimen dan 14 kerusi DUN, diikuti Selangor sebanyak lima kerusi Parlimen dan enam kerusi DUN.

Menurut Perdana Menteri, langkah SPR menetapkan syarat bahawa pengundi harus mengundi di tempat yang tercatat pada alamat tetap mereka akan memastikan taktik kotor Pas yang membawa pengundi dari luar tidak berterusan.

“Kita dapati terdapat banyak kes Pas mengambil orang daripada

kawasan lain bagi memastikan calon mereka menang.

“Di Anak Bukit jadi macam itulah, orang daripada kawasan saya (Kubang Pasu) di bawa pergi ke situ sebanyak 2,000 orang,” ujarnya.

Keputusan pilihan raya kecil DUN Anak Bukit, Kedah pada 18 Julai lalu menyaksikan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Zakaria Said tewas 508 undi kepada calon Pas, Amiruddin Hamzah.

Mengenai dakwaan Pas kononnya BN mempergunakan SPR bagi mendapat kelebihan undi semasa pilihan raya, Dr. Mahathir berkata:

“Dia mencarut pun tidak apa, dia buat apa pun jangan siapa tegur, pasal dia pembangkang. Dia langgar undang-undang pun tidak apa, sebab mereka orang yang diberi hak istimewa.”

Ditanya berhubung pelantikan ketua penaja UMNO bagi bahagian baru yang perlu diwujudkan berikutan persempadanan semula tersebut, beliau berkata: “Kita akan fikirkan kemudian, (setakat ini) belum lagi.”